

Penerima buah pinggang ibarat diberi peluang hidup kali kedua

Oleh NORAINI HASSAN BASRI

KOSMO 23/08/2018 M1503

Pengorbanan adik demi abang tersayang



MOHD. AZRULDIN (kiri) membuktikan kasih adik kepada abangnya Mazlan selepas sanggup mendermakan buah pinggangnya dalam pembedahan pada 31 Julai lalu.

KUALA LUMPUR - Ibarat diberi peluang hidup kali kedua. Demikian perasaan penerima buah pinggang, Mazlan Ali, 40, yang menerima organ itu daripada adik kandungnya tiga minggu lalu.

Mazlan selamat menjalani prosedur pembedahan pemindahan buah pinggang daripada adiknya, Mohd. Azruldin, 32, di Hospital Kuala Lumpur (HKL) pada 31 Julai lalu.

Anak sulung daripada empat beradik itu memberitahu, keadaan kesihatannya beransur pulih dan kini sedang menjalani rawatan susulan tiga kali seminggu selama enam minggu bermula daripada tarikh pembedahan.

“Saya sedang menjalani rawatan susulan untuk melihat fungsi buang pinggang dan Alhamdulillah setakat ini organ tersebut berfungsi dengan baik.

“Alhamdulillah saya sangat bersyukur dengan apa yang ber-

KERATAN Kosmo! 31 Julai 2018.

laku (pemindahan organ) dan mengangap ini adalah peluang hidup kedua yang diberi Allah S.W.T untuk membolehkan saya terus berbakti kepada keluarga dan agama,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* kelmarin.

Kosmo! pada 1 Ogos lalu melaporkan kehebatan hubungan pertalian darah dalam sebuah keluarga terbukti apabila seorang adik sanggup berkorban dengan mendermakan buah pinggangnya demi menyelamatkan nyawa seorang abang.

Mazlan, seorang Pegawai Teknologi Maklumat di Maktab Koperasi Malaysia dan aktif bermain badminton serta takraw, bertuah kerana tidak perlu menunggu lama untuk mendapatkan buah pinggang selepas adik-

nya sudi menjadi penderma.

Mohd. Azruldin pula yang bekerja sebagai pengurus kedai cermin mata di Bangi, Selangor tidak berfikir panjang untuk mendermakan buah pinggang kirinya sebaik sahaja dimaklumkan hanya 10 peratus organ abangnya berfungsi se-

lepas menghidap penyakit buah pinggang dan perlu menjalani rawatan dialisis sejak Disember 2013.

Mazlan turut melahirkan rasa terharu terhadap pengorbanan isterinya yang menjaga dirinya sepanjang tempoh dia mendapatkan rawatan.